

## PENGUMUMAN

Setelah meneliti cadangan CUEPACS dan implikasi kewangan yang terlibat, kerajaan memutuskan supaya:

- struktur saraan baru perkhidmatan awam atau SBPA yang diperkenalkan pada 1 Januari 2012, dibatalkan dan sistem saraan kembali kepada Sistem Saraan Malaysia atau SSM yang ditambah baik;
- Penubuhan sebuah Suruhanjaya yang akan dianggotai oleh semua pihak berkepentingan yang bekerja melalui prinsip musyawarah, perundingan dan permuafakatan untuk mengkaji secara komprehensif dan holistik perkhidmatan awam Malaysia yang bukan sahaja melibatkan sistem saraan tetapi juga rupa bentuk perkhidmatan awam masa depan yang diperlukan negara. Sebarang cadangan yang disyorkan oleh Suruhanjaya Khas ini akan dipertimbangkan mengikut kemampuan kewangan Kerajaan.
- selaras dengan komitmen Kerajaan sebagaimana yang diumumkan dalam Ucapan Belanjawan 2012 saya mengumumkan pelarasan gaji berdasarkan Jadual Gaji Matriks (JGM) Sistem Saraan Malaysia (SSM) mengikut peratusan bagi gred - gred seperti berikut:
  - (i) Pelarasan gaji sebanyak 13% bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana di Gred 1 hingga Gred 54.
  - (ii) Pelarasan gaji sebanyak 9% untuk Gred Utama dan Gred Khas C, B serta A dan
  - (iii) Pelarasan gaji sebanyak 8 % untuk Turus III dan Turus II
  - (iii) Pelarasan gaji sebanyak 7% untuk Turus I dan KSN;

- Struktur gaji Sistem Saraan Malaysia akan diubah suai daripada Jadual Gaji Matriks kepada Jadual Gaji Minimum-Maksimum dengan kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) bagi Gred 1 hingga 54 ditetapkan di antara RM80 hingga RM320 mengikut gred. Kadar Kenaikan Gaji Tahunan bagi JUSA dan ke atas ditetapkan kekal menggunakan Kenaikan Gaji Tahunan SSM dengan diberikan pelarasan mengikut peratusan yang ditetapkan.
- Kerajaan juga bersetuju kadar Bantuan Sara Hidup atau COLA bagi Kawasan B dinaikkan daripada RM200 sebulan kepada RM250 sebulan, dan bagi Kawasan C, kadarnya dinaikkan daripada RM100 sebulan kepada RM150 sebulan.
- Kerajaan juga bersetuju Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK), Bayaran Insentif Wilayah (BIW), Bayaran Insentif Pedalaman (BIP) dan Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) dikekalkan pelaksanaannya mengikut peraturan sedia ada di bawah Sistem Saraan Malaysia.
- Kepada para guru jangan gundah gulana. Kerajaan amat komited terhadap kebajikan dan prihatin terhadap kebimbangan tuan-tuan dan puan-puan. Di sini suka saya mengumumkan bahawa kerajaan akan mengekalkan keputusan penambahbaikan laluan kerjaya berasaskan prinsip *time-based* Pegawai Perkhidmatan Pendidikan seperti yang diumumkan dalam Bajet 2012.

## PENUTUP

Saya berharap dengan keputusan ini, dapat meredakan ketidakpuasan hati yang wujud di kalangan penjawat awam di pelbagai peringkat. Bagi isu-isu lain berkaitan perkhidmatan dan skim perkhidmatan, perkara ini akan dikaji oleh Suruhanjaya yang saya umumkan sebentar tadi. Saya berdoa ke hadrat Allah SWT agar keputusan yang dibuat ini mudah-mudahan menjadi penyelesaian terbaik bagi manfaat dan masalah seluruh penjawat awam.

Akhir kata saya berharap agar penjawat awam dapat terus bersama-sama kerajaan bagi mencipta lebih banyak sejarah kejayaan dalam menuju masa depan Malaysia yang lebih baik untuk kita, keluarga dan anak-anak.